



NATIONAL
SAVINGS DAY

SIARAN AKHBAR BERSAMA

JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN NSD 2024 DI SEKOLAH RENDAH RATAIE, MUKIM BOKOK

**Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok
Temburong**

Khamis, 6 Zulhijjah 1445H bersamaan 13 Jun 2024M

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Kementerian Pendidikan (MOE) telah melanjutkan Jerayawara Kesedaran Kewangan di Daerah Temburong pada hari Khamis, 6 Zulhijjah 1445H bersamaan 13 Jun 2024M.
2. Jerayawara ketiga yang telah diadakan di Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok, Temburong ini diadakan dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Tabung Amanah Pekerja (TAP), Cyber Security Brunei (CSB), dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.
3. Yang Mulia Hajah Mahani binti Haji Mohsin, Penolong Pengarah Urusan, Pengawalseliaan and Penyeliaan, BDCB telah hadir sebagai tetamu kehormat acara. Pegawai-pegawai kanan daripada MOE dan BDCB juga turut hadir untuk menyemarakkan acara tersebut.
4. Seramai lebih 380 pelajar dari Tahun 3 hingga Tahun 5 dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah berpeluang untuk ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang memberi pengenalan kepada topik-topik kewangan seperti menabung, takaful dan insurans, perancangan persaraan, dan perlindungan pengguna kewangan.
5. Dua lagi Jerayawara Kesedaran Kewangan akan diadakan sempena Hari Menabung Kebangsaan 2024 yang disasarkan bagi pelajar-pelajar sekolah rendah di Tahun 3 hingga Tahun 5. Jerayawara seterusnya akan diadakan di Pusat Tingkatan Enam Tutong pada 27 Jun 2024, dan jerayawara terakhir di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong pada 3 Julai 2024.
6. Hari Menabung Kebangsaan 2024 juga akan menampilkan sebuah Pesta Kewangan (*Financial Fun Fair*) pada bulan Ogos akan datang. Acara yang akan diadakan di Jerudong Park Playground ini akan mengandungi pelbagai aktiviti dan program sesuai untuk seisi keluarga.
7. Sila layari www.bdcb.gov.bn dan ikuti akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei, untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2024.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 6 Zulhijjah 1445/ 13 Jun 2024
Rujukan: BDCB/COMMS/3

Nota kepada editor:

Mengenai Hari Menabung Kebangsaan (NSD)

NSD merupakan acara celik kewangan yang disambut setiap 28 Mei. Acara ini dijalankan di bawah naungan Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK), dan dikelolakan oleh BDCB.

Antara objektif-objektif utama NSD adalah untuk mempromosikan budaya menabung dan pengurusan kewangan dengan bijak, meningkatkan tahap celik kewangan dan rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai Jerayawara Kesedaran Kewangan bagi NSD 2024

Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena NSD 2024 bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan serta kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab BDCB, khususnya bagi pelajar Tahun 3 hingga 5.

Program jangkauan ini memastikan pelajar-pelajar dari keempat-empat daerah menerima pendedahan awal kepada kemahiran dan pengetahuan pengurusan kewangan yang sesuai dengan usia mereka.

Mengenai Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Brunei Darussalam Central Bank sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangmajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.